



KENYATAAN MEDIA

PERKESO DAN IJN JALIN KERJASAMA MENERUSI PROGRAM SOCIAL SYNERGY

KUALA LUMPUR – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengukuhkan komitmennya dalam menerajui usaha memacu revolusi keselamatan sosial di negara ini dengan memeterai **Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Jantung Negara (IJN) menerusi Program Social Synergy**, hari ini.

Menerusi MoU ini, PERKESO dan IJN akan bekerjasama dalam beberapa bidang termasuk menerusi Program Social Synergy, perkongsian data, publisiti dan promosi program pencegahan serta pelbagai lagi aktiviti lain dari semasa ke semasa. Kerjasama antara PERKESO dengan IJN ini juga memastikan kesejahteraan pesakit dan keluarga IJN dapat dipelihara dan dilindungi menerusi faedah-faedah yang disediakan oleh semua agensi yang bekerjasama dalam Program Social Synergy.

Dalam MoU yang dimeterai pada hari ini, PERKESO telah diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, **Dato' Sri. Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed**, manakala, IJN pula diwakili oleh Ketua Eksekutifnya, **Datuk Dr. Aizai Abdul Rahim**.

Menurut Dato' Sri. Dr. Mohammed Azman, “Menerusi Program Social Synergy, PERKESO membuktikan bahawa agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia ini bukanlah eksklusif kepada pencarumnya semata-mata. Sebaliknya, program ini yang bersandarkan kepada prinsip **No Wrong Door Policy** turut boleh dimanfaatkan oleh seluruh rakyat Malaysia khususnya buat mereka yang memerlukan bantuan.”

“Sejak tahun **2020 hingga Mac 2022**, statistik PERKESO menunjukkan terdapat **lebih 10,000** prospek atau kes yang telah berjaya disalurkan ke pelbagai agensi berkaitan menerusi **Portal Sistem MySynergy** di bawah Program Social Synergy yang dibangunkan secara *‘in-house’* oleh PERKESO. Prospek-prospek ini seterusnya telah dibantu oleh agensi-agensinya terbahit berdasarkan kesesuaian dan keperluan masing-masing,” tambah beliau.

Program Social Synergy PERKESO yang telah **dilancarkan pada Ogos 2017**, menyediakan satu platform **ekosistem keselamatan sosial yang sistematik, komprehensif dan bersepadu** buat rakyat Malaysia menerusi **gabungan dan kolaborasi** daripada pelbagai rakan strategik merangkumi agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan di negara ini. Program ini menjadi **pusat sehenti** yang menawarkan perlindungan keselamatan sosial yang menyeluruh kepada rakyat Malaysia dengan matlamat utama untuk **mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat**.

Program Social Synergy yang merupakan **platform keselamatan sosial pertama di Malaysia** lahir daripada kesedaran dan empati PERKESO terhadap kesulitan yang dihadapi oleh Orang Berinsurans PERKESO dan rakyat Malaysia secara amnya. Program yang berasaskan **kolaborasi pintar** dengan agensi-agensi yang menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti **kebajikan, latihan kemahiran, pendidikan kewangan, kesihatan dan pekerjaan**, akan mewujudkan sebuah **ekosistem keselamatan sosial yang holistik** di negara ini. Setakat ini, lebih **250 agensi** yang terdiri daripada **agensi Kerajaan, bukan Kerajaan dan wakil rakyat** telah menyertai program ini.

Program Social Synergy turut disokong oleh **Portal Sistem MySynergy** yang mengadaptasikan penggunaan teknologi '*blockchain*' untuk perkongsian maklumat dan kes-kes prospek. Portal MySynergy mempunyai keupayaan untuk menjana pelan kecenderungan individu (prospek), menjejak kes prospek, pengkalan pengetahuan agensi, platform interaksi antara koordinator semua agensi, dan menjana pelaporan analitik. Bagi menghasilkan data keselamatan sosial yang berkualiti, Sistem MySynergy menguruskan data analitik dengan cekap seperti data individu yang belum dibantu, data individu yang sedang dibantu, dan data individu yang telah dibantu.

Tahun 2020 menyerlahkan lagi fungsi Program Social Synergy di mana pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah menyedarkan banyak agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan untuk menggembeling tenaga bagi membantu masyarakat yang dihimpit pelbagai kesulitan seperti kehilangan pekerjaan, kematian, hilang upaya, masalah sara hidup dan seumpamanya, sekaligus membuka akses kepada perlindungan untuk seluruh rakyat Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **laman sesawang PERKESO** di www.perkeso.gov.my atau hubungi nombor **Careline PERKESO** menerusi talian **1-300-22-8000** atau e-mel ke perkeso@perkeso.gov.my.

**Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
10 Jun 2022**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720
dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.**